

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Catat Pendapatan dan Keuntungan Cemerlang Untuk 9B TK2023

- Pendapatan melonjak sebanyak 35.8% kepada RM2.4 bilion
- PBT dan PATAMI meningkat sebanyak 36.4% dan 30.1% kepada RM440.7 juta and RM276.7 juta.

ARA DAMANSARA, 24 NOVEMBER 2023: Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) hari ini merekodkan pendapatan sebanyak RM2.4 bilion untuk sembilan bulan berakhir 30 September 2023 (“9B TK2023”), yang mencatatkan peningkatan sebanyak 35.8% tahun-ke-tahun (“YoY”).

Syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM440.7 juta dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) sebanyak RM276.7 juta, yang masing-masing merupakan peningkatan sebanyak 36.4% and 30.1%.

Syarikat juga mencatatkan jualan sebanyak RM2.5 bilion sepanjang tempoh terbabit dan berada pada landasan yang tepat untuk melangkaui sasaran jualan TK2023 iaitu sebanyak RM2.7 bilion.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata, “Momentum jualan kami setakat ini adalah hasil kepelbagaian tawaran produk dengan harga dan lokasi yang tepat. Kejayaan konsisten produk-produk kediaman bertanah, kediaman bertingkat dan perindustrian juga jelas menunjukkan sambutan positif daripada pasaran terhadap hala tuju dan pembangunan produk kami yang strategik.”

Q3 TK2023

Pendapatan Syarikat yang memberangsangkan pada suku ketiga TK2023 mengatasi prestasi suku sebelumnya sebanyak 52.4% pada RM1.0 bilion. PBT juga meningkat dua kali ganda kepada RM228.5 juta daripada RM114.3 juta.

Prestasi kukuh pada suku ini dipacu oleh segmen Pembangunan Hartanah yang menunjukkan peningkatan pendapatan yang signifikan iaitu sebanyak 56.7% untuk mencapai RM1.0 bilion. Pencapaian ini didorong oleh jualan produk-produk perumahan dan perindustrian yang lebih tinggi serta peningkatan kemajuan di tapak-tapak pembinaan.

9B TK2023 vs 9B TK2022

Segmen Pembangunan Hartanah mencatatkan pertumbuhan pendapatan YoY sebanyak 38.7% dengan RM2.3 bilion berbanding RM1.6 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi kukuh segmen ini didorong oleh peningkatan kemajuan pembinaan yang semakin rancak serta jumlah jualan yang memberangsangkan; ia juga disokong oleh jualan belum dibil sebanyak RM3.6 bilion berbanding RM2.4 bilion pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, PBT mencatatkan peningkatan sebanyak 55.0% kepada RM424.6 juta yang didorong oleh kemajuan aktiviti pembinaan yang semakin meningkat di Bandar Bukit Raja, Nilai Impian, Bandar Serenia, Bandar Elmina, Bandar Hamilton Nilai dan Elmina Business Park.

Segmen Pelaburan dan Pengurusan Aset (*Investment and Asset Management* atau “IAM”) mengekalkan *top line* dengan pendapatan sebanyak RM78.6 juta berbanding RM79.3 juta untuk tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. KL East Mall khususnya telah meningkat kadar penghuniannya kepada 89% sehingga 30 September 2023 berbanding 79% yang dicatatkan setahun yang lalu. Namun begitu, PBT segmen ini merosot kepada RM17.9 juta daripada RM38.5 juta disebabkan oleh bahagian kerugian yang lebih tinggi daripada projek Battersea Power Station di London, United Kingdom.

Pelancaran dan Jualan Produk pada 9B TK2023

Sime Darby Property telah mempelbagaikan tawaran produknya bagi meningkatkan kehadiran pasarnya serta melancarkan produk-produk yang merangkumi kediaman bertanah, kediaman bertingkat dan perindustrian dengan jumlah Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value* atau “GDV”) sebanyak RM3.2 bilion

Produk kediaman bertanah Emilia 1 dan 2 di Nilai Impian telah mencapai kadar pengambilan 100% sementara Serenia Anisa 1 dan Elmina Green 7 di Bandar Elmina mencapai kadar pengambilan melebihi 90%. Dalam segmen kediaman bertingkat, Teja di Subang Jaya City Centre (“SJCC”) mencatatkan kadar pengambilan setinggi 99% manakala produk-produk

perindustrian di Elmina Business Park dan Bandar Universiti Pagoh mencapai kadar pengambilan penuh.

Komitmen Terhadap Tenaga Boleh Diperbaharui

Dalam mengejar matlamat penginovasian dan kelestariannya, Sime Darby Property telah memeterai memorandum persefahaman bersama Tenaga Nasional Berhad (“TNB”) pada 29 Ogos 2023 untuk meneroka dan membangunkan inisiatif-inisiatif tenaga mampan, di samping menyokong visi Kerajaan untuk mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050.

Usahasama ini merangkumi pengintegrasian solusi bumbung solar di kawasan-kawasan perbandaran dan pembangunan Syarikat, pembinaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik, serta penerokaan solusi mikrogrid. Inisiatif-inisiatif ini jelas membuktikan komitmen Syarikat dalam membina masa depan yang mampan, selaras dengan Visinya untuk Memajukan Bidang Hartanah sebagai Daya Usaha untuk Perkembangan Bersama, serta Memulihara Sumber Planet.

Prospek Untuk TK2023

Dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) dianggarkan meningkat sebanyak kira-kira 4.0% pada 2023, Syarikat secara positif menjangkakan bahawa prospek pasaran hartanah akan meningkat sejajar dengan ekonomi, serta disokong oleh permintaan domestik.

Kedudukan kewangan Sime Darby Property yang kekal kukuh dengan rizab simpanan tunai sebanyak RM661.9 juta dan nisbah hutang bersih pada kadar 27.4% setakat 30 September 2023 jelas menunjukkan kesediaan Syarikat untuk meneroka potensi pembangunan masa depan.

“Kami telah menyediakan beberapa produk yang menarik di beberapa perbandaran kami untuk dilancarkan pada suku keempat tahun 2023 ini dengan anggaran GDV sebanyak RM791.2 juta. Dengan momentum kukuh yang telah dibina sehingga kini, kami yakin akan keupayaan kami dalam mencapai sasaran kewangan dan operasi Syarikat tahun ini,” kata Dato’ Azmir.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Muhammad Amyzaddin Raya | +6012-637 7890 | izad.raya@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com